

**Latihan Bahasa Malaysia (tatabahasa)**

**Nama** :  
**Tingkatan** :

Negara Zoo	
jeruk mangga	
Alias Restoran	
ekpress kereta api	

**TATABAHASA (Hukum D-M)**

- Hukum D-M bermaksud hukum tentang cara kata-kata disusun/diatur supaya dapat membentuk frasa nama yang lengkap dan sempurna.
- 'D' bermaksud \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- 'M' pula bermaksud \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- Dalam penulisan, gaya bahasa Melayu baku mengutamakan **subjek/perkara**, diikuti oleh penerangan tentang subjek/perkara berkenaan.
- Hal ini berbeza daripada **gaya bahasa Inggeris yang predikatnya didahulukan**, diikuti oleh subjeknya.
- Perhatikan pembentukan frasa nama di bawah ini.

Frasa nama (salah)	Frasa nama (betul)
rebus jagung	
mini panggung wayang	
Federal Hotel	
belacan sambal	
goreng pisang	
Kim Rumah Tumpangan	
Malaya Universiti	

**PENGECUALIAN HUKUM D-M**

- Ada frasa nama yang berkecuali daripada mengikuti Hukum D-M disebabkan oleh kebiasaan dalam penggunaan.
- Kebanyakan frasa nama itu berkaitan dengan nama-nama jawatan seperti contoh-contoh yang berikut.

Menerangkan (M)	Diterangkan (D)
Perdana	Menteri
Ketua	Menteri
Naib	Presiden
pembantu	penyelidik
ibu	pejabat

**FRASA NAMA YANG BEBAS SUSUNANNYA**

- Sesetengah frasa nama seolah-olah salah kerana tidak mengikut Hukum D-M.
- Lihat contoh-contoh di bawah ini.

- **lembu susu**    *atau*    **susu lembu**
- **ayam telur**    *atau*    **telur ayam**
- **lembu daging**    *atau*    **daging lembu**

- Sebenarnya, semua bentuk frasa nama di atas adalah (                      )
- Frasa nama ialah frasa nama yang bebas susunannya.

lembu susu	
susu lembu	
lembu daging	
daging lembu	
ayam telur	
telur ayam	

5. Hal ini demikian kerana frasa nama itu berkaitan dengan makna yang khusus seperti yang berikut.

**Latihan : Kesan kesalahan dalam ayat di bawah.**

- Semua perkhidmatan *mini bas* di Kuala Lumpur telah ditamatkan pada bulan Jun 1988.
- Zamani suka makan *goreng pisang* yang dijual di warung Mak Tijah yang letaknya bersebelahan dengan Klinik Nathan.
- Encik Kassim menjalankan perusahaan membuat *cili sos*.
- Setiap kali dia makan di *Kentucky Restoran*, dia pasti akan memesan semangkuk kentang goreng.
- Perasmian *zoo mini* itu telah dilakukan oleh Menteri Besar.
- Lain-lain masalah yang tidak dapat diselesaikan akan dibincangkan dalam mesyuarat yang akan datang. [       ]
- Jualan murah itu ditawarkan oleh Giant Pasar Raya yang baru dibuka pada hujung minggu yang lalu. [       ]
- Makanan di Restoran Tarmizi memang enak kerana tukang masaknyanya didatangkan khas dari luar negara. [       ]
- Saya menukar tayar kereta di Rizalman Kedai Servis Tayar kerana tayar kereta saya telah haus. [       ]
- Mereka akan mengemukakan agenda lain-lain pada mesyuarat yang akan datang disebabkan pertemuan yang diadakan gagal mencapai kata putus. [       ]
- Warung goreng pisang itu dimiliki oleh Pak Samad sekeluarga. [       ]
- Semasa tinggal di asrama, kami sering dihidangi roti bakar dan rebus telur. [       ]
- Dia akan membincangkan perkara itu dengan lain-lain kawannya apabila mempunyai kelapangan. [       ]
- Negara-negara Tenggara Asia telah bergabung untuk membentuk pakatan yang dinamakan ASEAN [       ]
- Mereka telah membincangkan lain-lain hal sebelum mesyuarat itu ditangguhkan. [       ]
- Ibu memasukkan perasa serbuk ayam itu ke dalam gulai agar masakannya bertambah enak. [       ]
- Dia mendapatkan rawatan di Pusat Rawatan Tawakal untuk mengubati penyakit buah pinggang. [       ]

**Latihan:**

**Tentukan sama ada frasa bergaris adalah betul atau salah penggunaannya.**

- Ibu menyuruh kakak membeli sebotol cili sos di kedai runcit. [       ]

14. Bapa saudaranya bekerja sebagai doktor pakar di Universiti Hospital sejak setahun yang lalu. [      ]
15. Guru disiplin telah menerangkan lain-lain tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ponteng dalam kalangan pelajar . [      ]
16. Karim ditahan oleh tentera polis kerana meninggalkan tugasnya sebagai tentera. [      ]
17. Puan Jasmin menggunakan pencuci serbuk berjenama untuk mencuci pakaiannya. [      ]
18. Tingkap cermin di rumahnya pecah akibat dilontar batu oleh budak- budak nakal. [      ]
19. Alat penghawa dingin di rumahnya telah rosak walaupun baru dibeli pada minggu lepas. [      ]
20. Ibu menyediakan laksa asam dan telur separuh masak sebagai sarapan pagi. [      ]
21. Ayah segak apabila berpakaian baju sutera batik pada setiap hari Jumaat. [      ]
22. Restoran mamak itu terkenal dengan ayam karinya yang enak. [      ]
23. Pejabat pos besar yang baharu itu telah dirasmikan oleh wakil rakyat kawasan tersebut. [      ]



Goreng  
Pisang



Pisang  
goreng

**Latihan Tamat**  
**Selamat Maju Jaya**  
**Cikgu Norhairie Nordin**